

03/05/1999

Rakyat yakin kepemimpinan kerajaan Barisan Nasional

TAPAH, Ahad - Majoriti rakyat pelbagai kaum di negara ini tetap yakin kepada kepemimpinan kerajaan Barisan Nasional (BN) yang ditunjangi Umno, walaupun pelbagai pihak berusaha melunturkan keyakinan itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata keyakinan itu didasarkan kepada kehendak rakyat yang mahu melihat sebuah kerajaan kuat menjadi pemerintah, lebih-lebih lagi ketika negara berhadapan kesukaran ekonomi.

Menurutnya, kehendak rakyat itu secocok dengan apa yang dilakukan kerajaan yang dipimpin Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang bekerja keras memulihkan ekonomi negara.

"Umno memang yakin kepada kepemimpinan parti (Dr Mahathir). Majoriti rakyat Malaysia pun yakin dengan kepemimpinan BN dan kerajaan.

"Saya percaya dalam hati kecil mereka (rakyat), mereka mahu kerajaan yang kuat dan berkemampuan untuk memulihkan ekonomi negara," katanya merasmikan Persidangan Perwakilan Umno bahagian Tapah di sini, hari ini.

Menurut Abdullah yang juga Naib Presiden Umno dan kini menjalankan tugas Timbalan Presiden, rakyat tahu BN adalah parti serta kerajaan yang berani dan tegas memperkenalkan langkah yang seharusnya diambil.

Bagaimanapun berkat kefahaman, kesungguhan dan keyakinan apa yang dibuat itu demi kebaikan rakyat, langkah itu telah membuktikan kejayaan dan sekali gus mengetepikan suara yang sebelum ini bermatian menidakkannya.

Malah katanya, kejayaan itu mempunyai hikmah tersendiri apabila kerajaan mendapat sokongan padu pelbagai pihak.

Abdullah berkata, rakyat negara ini tidak mudah diperbodohkan melalui maklumat tersebar dalam cerita yang direka melalui Internet.

Beliau sebaliknya berkata, rakyat kini matang dan boleh berfikir sendiri apa yang baik kepada mereka kerana yang diperlukan adalah sebuah kerajaan kuat dan setiap perubahan bersifat hakiki dan bukannya hanya berdasarkan slogan semata-mata.

Berucap merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Kuala Kangsar, Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau yakin sebahagian besar ahli Umno akan tetap setia dengan parti itu kerana ia sudah membuktikan kemampuannya memartabatkan perjuangan bangsa, agama dan tanah air.

Beliau berkata, ahli parti itu tidak akan terpengaruh dengan pujukan dan taktik pembangkang yang belum terbukti kemampuannya mentadbirkan negara.

Beliau berkata, ada pembangkang yang jelas tidak mempunyai matlamat, selain memperjuangkan ketaksuhabannya kepada seseorang sehingga keupayaan mereka mentadbir dan memajukan negara boleh dipersoalkan.

Beliau juga mahu ahli Umno mengukuhkan perpaduan dalam parti kerana kekuatan bukan hanya boleh dicapai dengan keanggotaan yang ramai semata-mata.

(END)